

• Rahmatan Lil 'Alamin •

ISLAM & KEPELBAGAIAN

• Rahmat Untuk Semua •



"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)" (Surah Al-Hujurat: 13)

MUJAHID YUSOF RAWA

*“Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad),
melainkan untuk menjadi RAHMAT bagi sekalian alam!”*

(Al Anbiya: 107)

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

ISLAM DAN KEPELBAGAIAN

Rahmat Untuk Semua

Gift from the

author

29/2/16

Pustaka Perdana

Mujahid Yusof Rawa, PhD

ilhambooks

2015

PUSTAKA PERDANA



1011061

ISLAM DAN KEPELBAGAIAN

Hak Cipta Terpelihara @ Mujahid Yusof Rawa, 2015
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2015

Terbitan Pertama, 2015
Terbitan Kedua, 2015

ILHAM BOOKS (SA0293237-A)
No. 23, Jalan 19/17, Seksyen 19
46300 Petaling Jaya, Selangor

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks
Email: ilhambooks@gmail.com
Hotline/WhatsApp: +6014-822 8084

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mujahid Yusof, 1964-
ISLAM DAN KEPELBAGAIAN : Rahmat Untuk Semua / Mujahid Yusof Rawa.
ISBN 978-967-12924-4-0
1. Islam. 2. Islam and state. 3. Islam and politics. I. Judul.
297

Pengurus Penerbitan: HM Jalaluddin
Editor: Muhammad Azrriil Alias
Editor Syariah: Ustaz Ahmad Badri Abdullah
Pruf: Muhammad Din

Pemasaran dan Jualan Atas Talian oleh Muhd Rusydan
(+6014-822 8084 / rusydan89@gmail.com)

Atur huruf oleh Adib Faisal Yaacob & Mohd Hafizul Hilmi
(adib.faisal@gmail.com)

Reka kulit oleh Nadia Liyana Mohamed Alipah
(nadialipah@gmail.com)

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn. Bhd.

297
MWJ



ISI KANDUNGAN

PRAKATA	1
BAHAGIAN I: RAHMAT ISLAM DALAM KEPELBAGAIAN	
BAB 1: REALITI KEPELBAGAIAN	
Pengenalan	9
Penjelasan Kepelebagaian	15
Rumusan	22
BAB 2: ERTI RAHMAT	
Maksud Rahmat	24
Pra Syarat Rahmat	27
BAB 3: PRINSIP RAHMAT	
Prinsip Pertama: Larangan Mencaci Mana-Mana Kaum dan Agama Lain	35
Prinsip Kedua: Tiada Paksaan	42
Prinsip Ketiga: Berlaku Adil	59
Prinsip Keempat: Dialog dan Perdebatan Sihat	64
BAB 4: PREMIS HUBUNGAN MUSLIM DAN NON MUSLIM	
Premis Permusuhan dan Kedamaian	72
Pemikiran Kedamaian Adalah Asas	78
Premis Pemikiran Kedamaian	79
Rumusan	92
BAHAGIAN II: ISLAM DALAM KERANGKA MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA	
BAB 5: REALITI ISLAM DI MALAYSIA	
Islam di Malaysia	98
Institusi Sultan dan Raja	99

Institusi Ulama	100
Institusi Politik Islam	101
Institusi Masyarakat Sivil dan NGO	101
Rumusan	102
BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN	
Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil	104
Kes-Kes di Mahkamah	105
Adil dan Rahmat	107
BAB 7: PENAFSIRAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN	
Kebebasan Beragama	110
Kedudukan Islam	111
Keputusan Perundangan	111
Pandangan Politik	114
Memposisikan Kerahmatan Islam	116
BAB 8: DASAR-DASAR DAN ISU	
Dasar-dasar Utama	120
Inisiatif Meleraikan Konflik	122
Isu-isu	124
Konflik Isu dan Prinsip Kerahmatan	127
BAB 9 : PRA SYARAT POLITIK RAHMATAN	
Pra Syarat	130
Fiqh Maqasid	130
Fiqh Muwathin	131
Fiqh As Salam	132
Kebebasan dan Demokrasi	135
Politik Kepartian	136
BAB 10: MALAYSIA TANPA PERKAUMAN	
Perkauman	139
Prejudis	142
Ekstrimisme	143
BAHAGIAN III: MENUJU NEGARA RAHMAT	
BAB 11: MODEL NEGARA RAHMAT	
Pengenalan	147
Malaysia Model Negara Rahmat	149

**BAB 12: MEMBINA LANDASAN WASATTIYAH DALAM
KERANGKA NEGARA SIVIL**

Perlembagaan Persekutuan	151
Islam Asas Negara	152
Islam Disalah Ertikan	153
Manhaj Wasatiyyah	154
Negara Sekular atau Negara Sivil	157
Implikasi Sebuah Negara Sivil	158
Parti Islam	159

BAB 13: MASYARAKAT BERAKHLAK

Akhlak Rakyat	163
Penguasa Agama	166

**BAB 14: MEMBUDAYAKAN POLITIK DAMAI DAN
REKONSILIASI NASIONAL**

Membina Politik Damai	172
Rekonsiliasi Nasional	173

**BAB 15: MENJADI WARGA DUNIA MEMBINA MASA DEPAN
KEAMANAN BERSAMA**

Pemikiran Global Hari Ini	175
Asas Penerimaan Hubungan Bersama	177
Isu-isu Global Lain	178
Orientasi Seksual Songsang	179
Penutup	179

PRAKATA

Penglibatan saya dalam pelbagai aktiviti memupuk perpaduan nasional membawa saya kepada satu keyakinan bahawa kepelbagaian adalah satu prinsip kehidupan. Namun apa yang lebih sukar untuk saya pelajari ialah bagaimana kepelbagaian hendak diuruskan dan dibentuk menjadi satu peluang kebaikan dan bukan satu bala yang menimpa kita.

Hakikatnya perjalanan perpaduan dan kedamaian yang saya terokai bukanlah mudah kerana saya terpaksa mencabar status-quo apatah lagi berada dalam sebuah masyarakat yang majmuk di mana set pemikiran anggotanya berorientasikan kaum masing-masing. Lebih buruk ialah, isu kaum kadang kali bercampur baur dengan isu agama dan dalam situasi ini boleh menjadi cetusan kebencian antara agama.

Saya juga berpeluang untuk menyumbang bakti ide dan pemikiran apabila dilantik menjadi salah seorang anggota Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang didirikan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk memberi input kepada satu Blue Print Perpaduan Nasional. Saya berpeluang untuk mengenali dengan lebih praktikal bagaimana dasar perpaduan diterapkan dalam kerangka sebuah negara dan apakah masalah dan cabarannya dalam konteks Malaysia yang rencam masyarakatnya.

Saya juga meyakini perlunya rundingan awam, rundingan pihak berkepentingan dan perdebatan sihat dalam menentukan dasar-dasar yang menyentuh daerah sensitiviti seperti isu agama, bangsa dan kepercayaan masyarakat.

Membumi Dalam Mencari Formula

Seringkali isu perpaduan dan kaitannya dengan tuntutan agama didasari nilai idealisme yang sukar dibumikan. Perlu ada satu kaedah yang merumuskan idealisme sesuatu dengan praktikaliti sebuah negara dan diterjemahkan menjadi dasar untuk kebaikan semua pihak. Saya tidak melihat yang lebih ideal daripada idealisme Islam dan praktikalitinya dalam membina masyarakat majmuk yang inginkan kehidupan damai dan sejahtera dalam bingkai kesatuan Malaysia.

Mencari formula tersebut perlu kepada membina jambatan antara praktikaliti dan idealismunya. Saya menemui jambatan itu dalam prinsip yang dianjurkan oleh Islam melalui *Fiqh Waqie* atau Fiqh Realiti yang diperkayakan oleh karya kajian usul fiqh sama ada oleh ulama silam mahupun ulama kontemporari. Semuanya bersumberkan kepada maksud syariat itu sendiri yang berdiri atas *masalah* atau kepentingan utama.

Ia berpandukan kepada ketajaman prinsip seperti, Mencapai Maqasid Syariah (*Tabqiq Al Manat*), Kajian Kesan Tindakan (*Ma'alat Al Af'al*), Mendahulukan Yang Utama (*Fiqh Al Aulawiyyat*) dan Fiqh Dialog (*Fiqh Al Hiwar*). Kesemua pendekatan prinsip-prinsip kefahaman kepada makna Islam ini menjadi jambatan berkesan untuk memahami antara ideal dan realiti.

Hasil Formula

Hasil formula ini ialah dasar Rahmat bagi memandu kepelbagaian yang wujud di Malaysia kerana mencapai maksud Rahmat adalah lebih besar pengertian Islamnya daripada benci membenci antara satu sama lain. Begitu juga mengambil tindakan atas nama Islam dikaji kesan tindakan melalui proses yang teliti supaya makna Rahmat itu tidak dicatitkan dengan tindakan kita dan melihat kekangan dan permasalahan sebelum bertindak atas nama Islam adalah pilihan keutamaan yang diizinkan oleh syara'. Semua ini tidak terlaksana tanpa *hivari* atau dialog antara pelbagai pihak untuk mencapai maksud damai dalam perhubungan.

Sepintas membaca muqaddimah ini, mungkin ada yang mengandaikan saya tidak tegas dalam menyatakan antara iman dan kufur, serta antara haq dan batil. Pastinya andaian dan tanggapan ini tidak tepat malah tersasar. Buku ini akan menjelaskan tanggapan simplistik sesetengah pihak yang kurang faham intipati kedatangan Islam yang membawa obor Rahmat ke alam ini. Ia bukan mudah sekadar satu dua ceramah atau khutbah tetapi gaya berfikir yang berstruktur dan disiplin kefahaman nas daripada hadith dan Al Quran memandu pemikiran Rahmat yang cuba diketengahkan.

Menjawab Tuduhan

Sekaligus buku ini juga menjawab pemikiran saya yang sering dilabel sebagai “liberal” dan “longgar” khususnya dalam konteks hubungan antara agama dan kaum di negara ini. Kepada mereka saya cadangkan membaca buku saya sebelum ini iaitu *Berdialog dengan Gereja: Sebuah Travelog Kedamaian* (terbitan ilhambooks).

Namun buku itu terlalu santai walaupun saya cuba menjawab sebahagian salah tanggap kepada usaha saya dan kerana itu saya

diminta oleh sahabat dan rakan seperjuangan supaya menulis sesuatu yang agak serius dalam membentuk kefahaman yang betul kepada erti kepelbagaian dengan menjadikan Rahmat Islam sebagai asasnya.

Buku ini juga tiba dalam suasana Islamophobia dan keberantakan IS yang mewajarkan tindakan ganas mereka atas nama Islam. Tindak balas umat Islam pula tidak terarah, ada yang menentang IS tetapi bertindak seperti IS dalam jalur pemikirannya, ada yang menangani Islamophobia tetapi mencairkan Islam atas jalur apologetik.

Saya tidak menemui jalan lain tetapi terpaksa mengambil jalan panjang untuk menghimpunkan kecelaruan ke satu arah dan untuk memahami Islam dan keindahannya tiada jalan pintas. Pembaca perlu membaca, memahami semangat buku ini dan cuba memahami realiti dengan melihat konteks sebuah negara dan bagaimana Islam beroperasi dalam bingkai itu.

Pengalaman Malaysia

Saya cuba mendedahkan kepada pembaca akan bingkai negara dalam menampung kepelbagaian kaum dan agama dengan merujuk kepada tunggak kewujudan negara Malaysia. Islam dalam bingkai ini adalah asas utama manakala Melayu adalah bangsa yang dikaitkan dengan agama rasmi Persekutuan. Islam dalam bingkai kenegaraan berfungsi dalam penafsiran Perlembagaan Persekutuan melalui penghakiman dalam kes-kes yang melibatkan Islam.

Islam juga ditafsirkan oleh ahli politik mengikut acuan kepartian masing-masing dan tidak kurang para ulama sama ada ulama pemerintah ataupun ulama bukan dari kalangan pemerintah yang menjalankan tugas mereka. Di celah pelbagai lapis penafsiran Islam dalam bingkai besar negara, masyarakat awam tersepit antara ajakan

sentimen dan emosi kepada ajakan berobjektif dalam memahami Islam.

Tidak ketinggalan dalam bingkai ini penyertaan debat masyarakat bukan Islam dalam memberi pandangan mereka sebagai memenuhi hak warganegara yang terkesan dalam isu-isu berkaitan Islam dan syariat. Apatah lagi mobilisasi politik yang mempertaruhkan agama dan kaum sebagai isu sentral untuk mendapat sokongan massa yang majmuk.

Di sinilah terletaknya pencelahan Rahmat Islam bagi meyakinkan semua orang bahawa jalan perdebatan ini mestilah melihat masalah negara yang lebih utama untuk dipelihara kerana negara yang tidak berfungsi akan mengheret perdebatan ini ke kancah kemusnahan dan kecelaruan.

Susunan Pemikiran Buku

Saya mulakan dalam bahagian pertama asas yang membina konteks kepelbagaian dari sudut fitrah dan falsafah serta penghayatan Islam kepada kepelbagaian. Susulan asas ini saya memperkenalkan konsep Rahmat, prinsipnya dan pendekatan untuk membawa nilai Rahmat dalam kepelbagaian. Bahagian II ialah bingkai kenegaraan dan kedudukan Islam dalam operasi tersebut serta isu yang dilihat menjadi konflik dalam kepelbagaian yang ada. Bahagian akhir ialah usaha untuk mengkonstruk antara idealisme Bahagian I dan realiti kenegaraan Bahagian II dalam usaha membina sebuah Negara Rahmat untuk semua dengan meletakkan prinsip Kesederhanaan, Masyarakat Berakhlak, Politik Damai dan Rekonsiliasi Nasional dan akhirnya mengantarabangsakan Malaysia dalam masyarakat global dunia. Dengan susunan ini saya mengharapkan pembaca dapat membentuk ide Politik Rahmat dalam slogan yang saya namakan sebagai Malaysia Rahmat Untuk Semua.

Penghargaan

Saya merakamkan jutaan terimakasih kepada penerbit ilhambooks khususnya saudara Jalaluddin dan Al Fadhil Ustaz Badri yang menyemak petikan Al Quran dan hadith serta pandangan para fuhaqa. Sebagaimana cetusan ide buku ini tidak akan terhasil tanpa bacaan awal saya kepada buku *Al-Ta'ayush Al-Silmi fi Ithari Daulatin Wabidatin* atau *Kebidupan Yang Harmoni Dalam Lingkungan Sebuah Negara Bangsa* oleh Dr Surahman Hidayat dari Indonesia. Naskhah buku itu adalah bahan tesis PhD beliau di Universiti Al Azhar yang saya sempat membelinya semasa lawatan saya ke Kaherah pada tahun 2011. Percambahan ide dalam karangan beliau amat menarik kerana ia menyentuh soal perlunya “Hidup Bersama Dalam Kedamaian” apabila berhadapan dengan kepelbagaian agama dan kaum dalam bingkai satu negara, malah beliau memetik beberapa contoh Malaysia dan Indonesia. Asas *peacefull co-existence* ini ialah dengan melihat tesis Islam sebagai panduan dan takungannya.

Semoga buku ringkas ini mendorong pihak lain untuk mengembangkan ide mereka malah mengkritik pandangan-pandangan yang ada dalamnya demi untuk memperkukuhkan gagasan Rahmat Islam dalam konteks kepelbagaian dalam bingkai kesatuan negara yang satu.

Selamat membaca dan selamat memperjuangkan risalah Islam dengan semangat *Rahmatan Lil 'Alamin*.

Al Faqir Ilallah

MUJAHID YUSOF RAWA

Parit Buntar, Perak

BAHAGIAN I

RAHMAT ISLAM DALAM KEPELBAGAIAN

BAB 1

REALITI KEPELBAGAIAN

Pengenalan

Kepelbagaian merupakan satu kejadian alam yang membuktikan tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Tiada sesuatu yang ada di muka bumi ini melainkan semuanya ditunjukkan dalam pelbagai bentuk, rupa dan pilihan. Kerencaman ini menandakan kejadian alam serta kejadian pada alam haiwan dan pada diri manusia sendiri.

Oleh kerana kepelbagaian adalah satu realiti, maka kita tidak berupaya menolaknya malah ia menjadi sebahagian daripada kehidupan kita yang kita saksikan setiap hari dan kita rasai setiap masa. Demikianlah tanda kebesaran Allah seperti yang difirmankan oleh Allah SWT dalam Al Quran;

سُرِّيهِمْ ءَايَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَبَيِّنَ لَهُم أَنَّهُ
الْحَقُّ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

“Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, hingga jelas bagi mereka bahwa Al Quran itu adalah benar. Tidakkah cukup bahawa Sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu?”

(Al Fussilat : 53)

Adalah menjadi sesuatu yang kurang bijak untuk menidakkan realiti kepelbagaian sebagai satu fitrah kejadian. Apa yang boleh kita lakukan ialah memahami dan hidup dalam kepelbagaian ini dengan cara yang diajar oleh Islam bagi mencapai kehidupan yang bermakna. Apabila kita memilih untuk menolak kewujudan kepelbagaian dalam kehidupan kita, kita seolah-olah menolak kejadian yang ditetapkan sebagai fitrah. Alangkah benarnya kata-kata Imam Hasan al Banna (1906-1949),

“....janganlah sekali-kali kamu bertembung dengan rahsia kejadian (fitrah) ini kerana kelak ia akan mengalahkan kamu, tetapi hendaklah kamu menguasainya dan gunakanlah keadaan ini dan alihkan arusnya untuk dikuasai dan mohonlah pertolongan antara satu sama lain....”

Sebenarnya kejelasan hidup yang penuh dengan kepelbagaian sebagai satu tabiat semulajadi kejadian disebut oleh Allah SWT dalam surah *Al Fathir* ayat 27 dan 28;

❁

الْمُرْتَانَ اللَّهُ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ ثَمَرَاتٍ مُخْتَلِفًا أَلْوَانُهَا
 وَمِنَ الْجِبَالِ جُدَدٌ بَيضٌ وَحُمْرٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهَا وَغَرَابِيبُ
 سُودٌ ﴿٢٧﴾ وَمِنَ النَّاسِ وَالْذَوَابِّ وَالْأَنْعَامِ مُخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ، كَذَلِكَ
 إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

❁

“Tidakkah kamu melihat bahwasanya Allah menurunkan hujan dari langit lalu kami hasilkan dengan hujan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya. dan di antara gunung-gunung itu ada garis-garis putih dan merah yang beraneka macam warnanya dan ada (pula) yang hitam pekat” (27) “Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama (orang mengetabui). Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.”(28)

(Al Fathir : 27-28)


Pra syarat untuk memahami erti kepelbagaian dalam Islam dan bagaimana menguruskannya dengan penuh limpahan rahmat bermula dengan penerimaan fakta penting bahawa “kepelbagaian adalah satu realiti dan satu kepastian” dan dari sini kita akan menghuraikan perincian bagaimana fakta ini memberi kesan dalam kehidupan kita dan bagaimana seharusnya kita berhadapan dengannya dengan tenang dan menghindari segala keraguan dan kebimbangan.

Bagi faedah mendalami rahsia kepelbagaian dan kerencaman kejadian, dicatatkan dengan ringkas beberapa ayat tentang kejadian ini yang meliputi setiap kejadian Tuhan.

Kepelbagaian merupakan satu kejadian alam yang membuktikan tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Tiada sesuatu yang ada di muka bumi ini melainkan semuanya ditunjukkan dalam pelbagai bentuk, rupa dan pilihan. Kerencaman ini menandakan kejadian alam serta kejadian pada alam haiwan dan pada diri manusia sendiri.

Islam menerima realiti kepelbagaian (agama) secara wujudnya (existence) walaupun hanya Islam sahaja yang diyakini benar (oleh penganutnya) secara teologinya, amalannya dan syariatnya lantas bagi menjalani kehidupan dalam keadaan damai kerana wujudnya kepelbagaian agama yang berpotensi untuk menjadi konflik, Islam mewajibkan Rahmatnya bagi mengatasi dan menguruskan wujudnya kepelbagaian yang ada (peacefull co existence).

Buku ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu Rahmat Islam Dalam Kepelbagaian, Islam Dalam Kerangka Masyarakat Majmuk di Malaysia dan Menuju Negara Rahmat.



ilhambooks

ISBN 978-967-12924-4-0



9 789671 292440 >



www.facebook.com/ilhambooks